



MESRA  
...Rosnah  
(kiri)  
beramah  
mesra  
dengan  
pemenang  
Anugerah  
Vendor  
Cemerlang,  
semalam.

## Bil hospital warga asing tertunggak RM3.06 juta

**S**UBANG JAYA: Kegagalan warga asing untuk melangsaikan bil hospital selepas menerima rawatan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung jumlah tertunggak besar iaitu RM3.06 juta, hanya dalam tempoh Januari hingga Mac tahun ini.

Jumlah terbabit semakin meningkat setiap tahun walaupun pelbagai cara digunakan untuk mengutip semula bayaran tertunggak itu termasuk menghubungi kedutaan warga asing berkenaan dan majikan mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, berkata perkhidmatan perubatan diberikan kepada sesiapa saja tidak mengira warna kulit atau bangsa dan itu dilakukan atas dasar perikemanusiaan.

"Kita tidak menghalang sesiapa untuk mendapatkan rawatan, tetapi apabila terdapat warga asing yang tidak menjelaskan bil mereka, itu yang membebankan kerajaan dan jumlahnya semakin meningkat.

"Bagaimanapun, kami akan mengambil langkah dengan mewajibkan warga

asing yang mahu mendapatkan rawatan untuk membayar pendahuluan separuh atau suku dari kos rawatan," katanya di majlis Anugerah Vendor Cemerlang Pharmaniaga di sini, semalam.

Beliau yang membacakan teks ucapan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, menyatakan Kementerian akan mengambil langkah lebih berkesan supaya tunggakan dapat dibayar dan mencadangkan majikan pekerja asing diwajibkan membayar kos rawatan terbabit.